



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PERASMIAN PUSAT MASYARAKAT BESTARI (PMB) KAMPUNG PANDAN, MUKIM KUALA BELAIT, DAERAH BELAIT

Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait, Selasa, 13 Februari 2018- Jangka hayat yang kian meningkat disebabkan oleh kualiti kehidupan rakyat yang semakin tinggi dan taraf kesihatan yang sangat baik merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan dan terjadi di semua negara termasuk negara kita Brunei Darussalam. Menyedari akan hakikat ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menubuhkan sebuah lagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di negara ini yang diserapkan dan dinamakan sebagai Pusat Masyarakat Bestari (PMB) Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait. Pusat ini ditempatkan di bawah satu bumbung dengan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kampung Pandan yang sedia ada.

Objektif utama bagi menubuhkan pusat ini adalah sebagai '*One Stop Centre*' untuk aktiviti-aktiviti ke arah menjadikan sebuah masyarakat yang berpengetahuan dan aktif dalam kegiatan berkebajikan. Ianya juga sebagai salah satu kemudahan warga emas untuk berinteraksi atau *networking* dengan pelbagai golongan masyarakat terutama sekali belia, remaja dan kanak-kanak yang bertujuan untuk merapatkan jurang di antara mereka. Di samping itu masyarakat juga berpeluang untuk menimba ilmu pengetahuan melalui perkongsian pengalaman warga emas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan penubuhan PMB Kampung Pandan ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait.

Turut berkesudian hadir di majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid Bin Haji Mumin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara / Penghulu Mukim Liang; Yang Berhormat Awang Hanapi Bin Mohd Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara / Ketua Kampung Labi 1 selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi; Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila Binti

Dato Paduka Hj Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Awang Abdul Hazis Bin Haji Ahad, Pemangku Pegawai Daerah Belait; Yang Mulia Awang Abd Rahman bin Haji Apong, selaku wakil Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat; Yang Mulia Dayang Hajah Sariani Binti Haji Ishak, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong Daerah Belait, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, persatuan-persatuan dan agensi-agensi bukan kerajaan, ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Bahagian Warga Emas, Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait, dan juga Para Warga Emas di Mukim Kuala Belait.

Di majlis tersebut, acara dimulai dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Aminorddin Bin Haji Muhd Yusuf, Pegawai Hal Ehwal Masjid Pekan Seria. Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Haji Awang Damit Bin Haji Awang Chuchu, Pengerusi dan Pengurus Jawatankuasa Tadbir Bahagian Warga Emas, Kampung Pandan. Majlis Perasmian dilancarkan dengan pukulan 'gong' oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diteruskan dengan majlis menandatangani *Plaque*.

Majlis Perasmian juga diserikan dengan demonstrasi pembuatan kuih-muih melayu dari Biro Wanita Kg.Pandan, persembahan syair yang dipersembahkan oleh Yang Mulia Awang Haji Sulaiman bin Haji Duraman dari Kg Pandan dan diselanjurkan dengan persembahan tausyeh dan dikir daripada Biro Wanita Kampung Pandan. Sebagai tanda penghargaan, majlis diteruskan dengan penyerahan buku-buku bacaan oleh Yang Mulia Haji Awang Damit Bin Haji Awang Chuchu, Pengerusi dan Pengurus Jawatankuasa Tadbir Bahagian Warga Emas, Kampung Pandan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis juga turut menyaksikan pameran dan jualan hasil produk dari Kampung Pandan, Kampung Labi 1 dan Kampung Lumut II seperti makanan tradisi, kuih-muih dan kraftangan.

Dengan tertubuhnya Pusat Masyarakat Bestari (PMB) Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait 2018 yang kini diperluaskan fungsi dengan penyerapan aktiviti-aktiviti bagi warga emas adalah diharapkan untuk dapat memenuhi keperluan kepada warga emas untuk terus menikmati kehidupan yang aktif dan dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan program yang bersesuaian bagi para warga emas. Dimasa yang sama, ia diharapkan sebagai langkah pertama bagi Pusat Masyarakat Bestari in manarik penglibatan pihak belia dan peringkat masyarakat sekeliling di dalam kegiatan sosial yang berkeabajikan ke arah masyarakat yang bersepadu dan berpengetahuan..

Tamat

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Pembangunan Masyarakat,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 27 Jamadilawal 1439H / 13 Februari 2018M /